



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"**VAKSIN SEBAGAI IKHTIAR, PENYAKIT JANGAN DIBIAR**"

26 Februari 2021 / 14 Rejab 1442

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الْقَائِل:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَذُوهُ إِلَى
اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

(Surah An-Nisa ayat 59)²

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ³ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁴ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan melaksanakan setiap perintah Nya serta menjauhi segala larangan Nya. Mudah-mudahan hidup kita diberkati Allah, di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini memilih membicarakan khutbah bertemakan “**Vaksin Sebagai Ikhtiar, Penyakit Jangan Dibiarkan**”.

Sidang Jumaat yang diberkati Allah,

Koronavirus ialah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus; yang paling baru ditemui, dikesan buat pertama kalinya, pada bulan Disember 2019 di bandar raya Wuhan, Wilayah Hubei, China, dinamakan Koronavirus-19, atau rujukan ringkas Covid-19. Dua bulan selepas pesakit pertama dikenal pasti, Covid-19 telah menjadi wabak, menjangkiti 45,000 orang pesakit serta mengakibatkan 1,500 kematian di Wuhan. Pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia, mengisytiharkan Covid-19 sebagai satu pandemik. Wabak tersebut kini telah merebak ke

¹ Memuji Allah

² Ayat Al-Quran

³ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁴ Pesan Taqwa



serata dunia, menjangkiti lebih 112 juta orang, dan mengakibatkan kematian mencecah 2.5 juta orang. Di Malaysia, rekod pada 23 Februari 2021, mencatatkan lebih 285,000 orang telah dijangkiti, mengakibatkan 1077 kematian; sementara pada tarikh yang sama, kes kumulatif jangkitan di negeri Perak mencecah 9776 orang, dengan 40 angka kematian.

Virus Covid-19 terus mengancam nyawa dan sangat menjejaskan kehidupan harian manusia. Menjadi tuntutan fardu kifayah untuk manusia berusaha menangani penyakit dan merawat pesakit, begitu juga tuntutan berikhtiar mencegah penularan wabak. Sabda Nabi SAW:

مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً.

Maksudnya: Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya penawar. (Riwayat Al-Bukhari 5678)

Sidang Jumaat yang dicintai Allah,

Alhamdulillah dengan izin dan rahmat Illahi, usaha gigih yang dirintis oleh para penyelidik dan saintis telah membuahkan hasil. Vaksin untuk meningkatkan imuniti atau daya kekebalan tubuh, menghadapi virus Covid-19, berjaya ditemui.

Suntikan vaksin diberikan sebagai persediaan atau latihan kepada sistem ketahanan badan untuk melawan virus. Vaksin yang disuntik, berfungsi merangsang sistem pertahanan badan manusia agar lebih berupaya bertahan ketika menghadapi serangan virus. Dalam bahasa yang mudah, setelah diberikan suntikan vaksin, insyallah tubuh manusia akan ditingkatkan daya tahan menghadapi virus Covid-19.

Demi memastikan sesuatu vaksin yang baru dicipta, selamat untuk digunakan, vaksin tersebut perlu melalui pelbagai lapisan ujian yang melibatkan puluhan ribu orang, sebelum diberikan kelulusan untuk kegunaan orang ramai.

Sehingga 18 Februari 2021, lebih 181 juta dos vaksin Covid-19 telah diedarkan ke seluruh dunia. Pada 21 Februari yang lalu, vaksin Covid-19 telah selamat tiba di negara kita. Susulan daripada itu, kerajaan pada 24 Februari yang lalu, memulakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan sebagai ikhtiar untuk meningkatkan daya tahan rakyat daripada dijangkiti virus.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Amalan imunisasi bukan perkara asing dan baharu. Bermula dari tahun sembilan belas lima puluhan (1950an), pelbagai program imunisasi telah dilaksanakan di negara kita. Ketika ini, 11 jenis vaksin diberikan untuk mencegah 13 jenis penyakit, antaranya vaksin mencegah penyakit



Polio dan Batuk Kering. Semua jemaah haji dan umrah, telah sekian lama, diwajibkan mengambil vaksin Meningokokokus untuk melindungi para jemaah daripada penyakit Meningitis.

Kerajaan merancang memberi vaksin Covid-19 kepada 26.5 juta orang, menyamai 70 peratus penduduk Malaysia, yang akan dilaksanakan dalam tiga fasa, mengikut kumpulan yang ditetapkan dalam tempoh masa setahun. Program Imunisasi Covid-19, merupakan program imunisasi terbesar yang pernah dilakukan oleh kerajaan. Pengambilan vaksin Covid-19, wajib diutamakan, juga wajib disegerakan sebagai persediaan diri menghadapi ancaman dan serangan musuh berbentuk virus yang begitu kecil lagi halus.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang pada 3 Disember 2020, telah mengambil ketetapan bahawa hukum penggunaan vaksin Covid-19 adalah harus; manakala kepada golongan yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia untuk mengambil vaksin, hukumnya adalah wajib. Ketetapan ini telah disembah maklum kepada Majlis Raja-Raja.

Keputusan ini bertitik tolak daripada kepentingan kita memelihara nyawa (*Hifzu An-Nafsi*) sebagai salah satu *Maqasid Syariah* yang sangat ditekankan di dalam Islam. Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 195:

﴿ ... وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ ... ﴾

Maksudnya:janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan....

Kesimpulannya, pengambilan suntikan vaksin ini sangat penting untuk meningkatkan daya ketahanan diri, terutama bagi golongan berisiko tinggi. Untuk bersifat adil kepada tubuh badan, seseorang manusia wajib menggunakan akal, berikhtiar dan berusaha agar tubuh diperlengkap dengan perisai pertahanan ketika menghadapi ancaman musuh. Mengambil suntikan vaksin, ialah ikhtiar dan usaha yang dilaksanakan selaras dengan ajaran yang dianjurkan oleh agama Islam. Selepas menerima suntikan, bertawakallah, agar ikhtiar yang telah diusahakan itu mendapat keredaan dan dimakbulkan Ilahi. Firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran ayat 159:

﴿ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴾



Ertinya: Apabila engkau telah berazam (untuk membuat sesuatu) maka bertawakal kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar:

Pertama: Mematuhi arahan Ulil Amri serta menghargai usaha kerajaan melaksanakan perkara yang makruf (baik) dalam hasrat mahu mengekang penularan Covid-19.

Kedua: Yakin dan percaya, nasihat yang disampaikan dan usaha yang dilakukan oleh pakar-pakar perubatan yang merupakan ahli dalam bidang tersebut. Allah SWT menyuruh kita untuk merujuk kepada ahli sesuatu bidang sekiranya ada sebarang permasalahan. Ingatlah firman Nya dalam surah An-Nahl ayat 43:

﴿.... فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ﴾

Ertinya: Bertanyalah kamu kepada orang yang berpengetahuan jika kamu tidak mengetahui.

Ketiga: Mengambil tanggungjawab bersama, menerangkan secara berfakta dan saintifik pentingnya melakukan suntikan vaksin dan manfaat melakukannya.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa



Keempat: Jangan menakutkan orang ramai dengan cerita dan huraian yang tidak benar, dan jauhan diri, daripada perbuatan menyebarkan kenyataan-kenyataan daripada kumpulan yang bersifat anti vaksin, hingga mencetuskan pelbagai keraguan dalam minda rakyat jelata.

Mimbar juga menyeru agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mendirikan solat berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁸

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁹، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيْرُوسَ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَن بِلَادِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بِلَادِنِ عَامَّةً.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta lindungilah mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Peliharalah kami daripada seksa dan azab api neraka.

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu, ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.